



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

PENYERAHAN TABLET UNTUK DIAGIHKAN KEPADA PELAJAR ASNAF

1. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menerusi agensi KPLB iaitu Yayasan Pelajaran MARA (YPM) telah melaksanakan inisiatif dalam menyediakan tablet untuk keperluan pelajar daripada golongan B40 yang bakal menduduki SPM tahun 2021 yang terkesan dengan banjir di 4 buah negeri iaitu Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu.
2. Dalam keadaan pandemik Covid-19 yang melanda negara semestinya turut memberi kesan kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM khususnya dalam melancarkan Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR). Selain pandemik Covid-19, bencana banjir yang melanda beberapa negeri di Malaysia turut menambah kepayahan dan keperitan pelajar ini.
3. Menerusi inisiatif yang digerakkan oleh KPLB dan YPM ini sejumlah 300 unit tablet diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan B40 dan asnaf secara berperingkat dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan di rumah mahupun di lokasi yang sesuai bagi meminumkan keciciran pembelajaran di kalangan pelajar terutama di kawasan luar bandar.

4. Seunit tablet berharga RM 600.00 ini akan diagihkan kepada golongan pelajar yang dikenal pasti oleh Jabatan Pendidikan Negeri serta Pejabat Pendidikan Daerah secara berperingkat. Pada tahun 2021, YPM dijangka memperuntukan sebanyak RM 300,000.00 untuk pembelian tablet untuk disumbangkan kepada pelajar yang layak.
5. Kerajaan menyedari kepentingan alat peranti dan talian internet kini menjadi satu keperluan bukan sahaja untuk setiap rumah tetapi pelajar tidak mengira sama ada di peringkat tadika sehinggalah di peringkat universiti. Penggunaan peranti ini adalah satu kemestian serta pengganti kepada kehadiran pelajar di kelas dalam norma baharu pada masa kini.
6. Majlis pada hari ini adalah penyerahan sebanyak 30 unit tablet yang diserahkan oleh Pengerusi Eksekutif Yayasan Pelajaran MARA, YBhg. Dato' Dr. Mohd Nizar bin Hj Sudin kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus. Baki tablet akan diserahkan kepada negeri dan golongan yang dikenal pasti secara berperingkat.
7. KPLB dan YPM akan memastikan pelbagai inisiatif terutama dalam bidang pendidikan dapat dilaksanakan untuk masyarakat terutama di kawasan luar bandar bagi membolehkan akses kepada pendidikan dapat diutamakan bagi melahirkan generasi berpengetahuan yang akan menyumbang kepada negara.

- Tamat -

Dikeluarkan oleh
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
10 Februari 2021

Gambar :

<https://drive.google.com/drive/folders/15sbscMylJhjos-x4sqiYgb2u67ff5a0M?usp=sharing>



Ahmad Jailani (kiri) menerima tablet bagi pihak KPLB daripada Mohd Nizar.



Delegasi daripada Yayasan Pelajaran MARA (YPM) mengadakan perbincangan bersama Ahmad Jailani (kiri).



Tablet yang disumbangkan oleh YPM akan diagihkan kepada pelajar asnaf.